

Guru Kesayangan Saya

Semua murid mempunyai seorang guru kesayangan mereka. Saya juga tidak terkecuali. Guru kesayangan saya ialah Cikgu_____. Beliau mengajar saya _____.

Saya suka akan Cikgu_____ kerana beliau ialah seorang yang bertanggungjawab. Beliau mengajar kami dengan bersungguh-sungguh. Apabila kami mengalami masalah dalam pelajaran, beliau akan memberi tunjuk ajar kepada kami dengan sabar.

Selain itu, Cikgu_____ seorang yang penyayang. Apabila kami melakukan sesuatu kesalahan, beliau tidak akan memarahi kami. Sebaliknya, dia akan menasihati kami supaya tidak mengulangi kesalahan yang dilakukan.

Seterusnya, Cikgu_____ juga seorang yang rajin. Beliau sentiasa memastikan pengajarannya menarik. Beliau pandai bercerita dan menggunakan cara ringkas untuk mengajar kami. Oleh itu, kami mudah faham apa-apa yang diajar oleh beliau.

Kesimpulannya, saya amat bersyukur kerana mempunyai seorang guru seperti Cikgu_____, Saya berjanji akan belajar dengan bersungguh-sungguh untuk membalas jasa beliau.